

PRUlink golden managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan

Dana yang diuruskan secara aktif yang berusaha untuk memaksimumkan pulangan pada jangka sederhana dan panjang, dengan mengambil kira keperluan kecairan dana bagi memenuhi permintaan untuk pengeluaran dan juga keperluan bayaran terjamin. Matlamat ini dicapai dengan melabur dalam saham dan sekuriti faedah tetap menerusi dana PRUlink golden equity fund II dan dana PRUlink golden bond fund II dan mana-mana dana PRUlink yang mungkin disediakan pada masa depan dan juga secara langsung dalam sekuriti faedah tetap, bon-bon korporat dan simpanan tetap yang terpilih, dan mana-mana instrumen kewangan lain yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.

Strategi Pelaburan & Pendekatan

Strategi Pelaburan

Melabur dalam saham dan sekuriti faedah tetap melalui PRUlink golden equity fund II dan PRUlink golden bond fund II dan mana-mana dana PRUlink seumpamanya yang lazimnya melabur dalam sekuriti faedah tetap, bon korporat dan deposit tetap yang mungkin ditawarkan pada masa depan dan mana-mana instrumen kewangan yang digunakan untuk melindungi nilai portfolio.

Pendekatan Pelaburan

Pengurus Dana percaya bahawa cara pelaburan yang diarah oleh penilaian dan yang disiplin boleh menjanakan pulangan yang unggul dalam jangka masa panjang. Mereka bertujuan untuk mengeksploitasi peluang-peluang di kedua-dua peruntukan aset dan tahap pemilihan sekuriti melalui aktif penyelidikan dalaman dan pengurusan portfolio, dengan fokus pada memaksimumkan pulangan pada tahap risiko yang boleh diterima.

Ketidakcekapan penetapan harga yang disebabkan tingkah laku pelabur yang tidak munasabah boleh dieksploitasi melalui penyelidikan aktif dalaman dan pengurusan portfolio. Penetapan harga salah yang berjaya dieksploitasi dan dikekalkan memerlukan penerapan cara penilaian kami yang disiplin. Proses mereka mencari cara menyingkirkan kelakuan berat sebelah yang membawa kepada penetapan harga yang salah dalam kejadian pertamanya.

Dengan membuat anggapan yang konservatif terhadap ramalan pendapatan mereka, sasaran penilaian dalaman kami boleh dicapai. Tetapi, pada masa yang sama, mereka tidak menyingkirkan potensi peluang dengan mengambil risiko yang sudah diperhentikan dalam masa yang tidak stabil ini yang cenderung kepada kejadian sekelilingnya.

Pengurus Dana mengikut darjah kekonsistenan yang tinggi dalam jangka masa panjang untuk semua dana, di samping berpegang teguh kepada garis panduan yang tegas dan profesional.

Peruntukan Aset

Dana melabur di antara 70% ke 90% Dana NAV dalam sekuriti faedah tetap, bon korporat dan deposit tetap secara langsung atau tidak langsung melalui PRUlink golden bond fund II atau mana-mana dana PRUlink seumpamanya, yang akan melabur dalam sekuriti faedah tetap, bon korporat dan deposit tetap yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana juga akan melabur di antara 10% ke 30% Dana NAV dalam saham-saham secara langsung atau tidak langsung melalui PRUlink golden equity fund II atau mana-mana dana PRUlink seumpamanya, yang akan melabur dalam saham-saham yang mungkin ditawarkan pada masa depan. Dana NAV yang lebih akan dilabur ke dalam aset cair dan mana-mana instrumen kewangan lain yang diguna untuk melindungi nilai portfolio.

Piawaian Prestasi

20% FTSE Bursa Malaysia Top 100 Index (FBM100) + 80% Maybank 12 Month Tier 1 Fixed Deposit Rate
Untuk maklumat lanjut berkenaan penanda aras, sila layari www.bursamalaysia.com/market dan www.maybank2u.com.my

Pengurus Dana

Eastspring Investments Berhad (531241-U)

Yuran & Caj

Caj Pengurusan Dana

1.1% setiap tahun

Caj-caj lain, jika ada

Tiada

Sila ambil perhatian bahawa dana-dana PRUlink golden funds II bukanlah produk patuhi Syariah dan prestasi pelaburan dana-dana PRUlink golden funds II adalah tidak dijamin.

PRUlink golden managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Prestasi Dana

PRUlink golden managed fund II adalah dana yang baru ditubuhkan; sejarah prestasi dana masih tidak wujud. Pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada PRUlink golden managed fund II adalah dikecualikan daripada cukai.

Nota: Dana anda dilaburkan di dalam PRUlink golden equity fund II dan PRUlink golden bond fund II mengikut suatu campuran aset yang telah ditentukan pada masa Tempoh Pengumpulan. Pada masa Tempoh Pembayaran, dana anda akan dilaburkan di dalam PRUlink managed fund II dengan campuran aset sebanyak 80% dalam bon dan 20% dalam ekuiti. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk kepada risalah yang dilampirkan.

Asas kiraan prestasi masa lalu:

$$= \left(\frac{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n}{\text{Nilai Aset Bersih pada akhir Tahun } n-1} - 1 \right) \%$$

Risiko-Risiko Pelaburan

Sila rujuk kepada Lampiran untuk butir-butir senarai Risiko-Risiko Pelaburan di bawah yang mengikut urutan kepentingan:

- (A) Risiko Pasaran
- (B) Risiko Saham / Penerbit
- (C) Risiko Kadar Faedah
- (D) Risiko Kredit / Kegagalan
- (E) Risiko Kecairan
- (F) Risiko Negara
- (G) Risiko Tiada-Pematuhan
- (H) Risiko Penumpuan
- (I) Risiko Syarikat Pengurusan
- (J) Risiko Inflasi
- (K) Risiko Pengurus Pelaburan

Pengurusan Risiko

Peramalan Risiko

Risiko yang berpotensi timbul akan dipertimbangkan dalam proses peruntukan sektor dan pilihan stok yang berdasarkan analisis pelbagai faktor-faktor penting seperti keadaan ekonomi, kecairan, aspek-aspek kualitatif dan kuantitatif sekuriti tersebut.

Kawalan Sistem

Had risiko ditetapkan secara dalaman untuk setiap dana dan bergantung kepada profil risiko pelanggan. Had risiko tersebut termasuk pengeluar bet, kumpulan pengeluar, pengkadaran sektor dan saiz isu sekuriti yang dipegang dalam portfolio.

Satu sistem depan pejabat ditempatkan untuk mengawasi risiko portfolio, yang bertugas sebagai penapis automatic untuk had-had atau keadaan pecah amanah.

PRUlink golden managed fund II

Semua data seperti pada 31 Disember 2017 melainkan jika dinyatakan

Maklumat Lain

<ul style="list-style-type: none">• Pasaran Sasaran	<ul style="list-style-type: none">• Tiada.
<ul style="list-style-type: none">• Dasar & Kekerapan Tarikh Penilaian	<ul style="list-style-type: none">• Penghargaan unit dibuat setiap hari.• Harga unit bagi Dana PRUlink golden fund II tertentu pada sebarang Tarikh Penilaian hendaklah bersamaan Nilai Dana dibahagi dengan bilangan Unit yang dikeluarkan pada Tarikh Penilaian.• Nilai Dana ialah nilai semua aset Dana PRUlink golden fund II selepas memotong belanja untuk menguruskan, memperolehi, menyenggara, pengkekalan dan penilaian aset Dana, cukai atau levi mengikut undang-undang yang ditanggung oleh Syarikat ke atas pendapatan pelaburan atau keuntungan modal aset dana dan sebarang pendapatan terakru atau dijangkakan.• Tarikh Penilaian ialah tarikh yang ditentukan oleh Syarikat dari masa ke semasa, tetapi tidak kurang daripada sekali sehari, untuk tujuan menentukan Harga Unit.• Untuk mendapatkan balik kos memperolehi dan membuang aset-aset, pembetulan kos urus niaga mungkin dibuat untuk Nilai Unit untuk memuliharkan sebarang jumlah yang telah atau dijangka akan dibayar oleh dana untuk penghasilan dan pembatalan unit-unit.
<ul style="list-style-type: none">• Keadaan-keadaan luar biasa	<ul style="list-style-type: none">• Syarikat juga berhak dalam keadaan pengecualian (sebagai contoh, bila terdapat jumlah jualan atau penebusan aset mana-mana dana PRUlink golden fund II yang luar biasa besarnya dalam jangka masa yang pendek) untuk menangguhkan penukaran atau penebusan Unit-unit dan/atau penyerahan Polisi untuk tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh permohonan.• Syarikat mungkin menangguhkan penghargaan unit dan urusniaga polisi jika mana-mana penukaran di mana dana dilaburkan ditunda dari berdagang untuk sementara. Dalam keadaan tersebut, suatu notis untuk penangguhan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada orang diinsuranskan apabila tokokan, penukaran, penebusan atau pengeluaran ke/dari mana-mana dana PRUlink golden fund II. <p>Senarai keadaan-keadaan luar biasa di atas tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen polisi anda untuk butir-butir yang lengkap.</p>